

Tingkatan 6 buka laluan kerjaya

Suhaiza kini bergelar Pegawai Daerah

Singapura Singapur HONJAN/15/11/2021

Keputusan untuk menyambung pengajian ke Tingkatan Enam kira-kira 27 tahun lalu merupakan satu tindakan tepat yang dibuat Suhaiza Sharudin, 45.

Hari ini selain berjaya bekerja dalam sektor kerajaan, baginya menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan juga bergelar pelajar Tingkatan Enam adalah satu pengalaman yang tidak ternilai.

Menurut anak kelahiran Port Dickson, Negeri Sembilan ini, pengalaman yang dia perolehi selama dua tahun itu tidak semua orang ada dan pastinya dia tergolong dalam kumpulan pelajar yang 'bertuah'.

"Tidak dinafikan ramai yang berpendapat Tingkatan Enam adalah satu pembaziran masa selain subjek-subjek yang dipelajari semuanya susah.


"Persepsi ini perlu dikikis segera kerana apa yang difikirkan itu sememangnya tidak benar sama sekali, mereka

sebenarnya proses pembelajaran yang memberi pendedahan awal kepada para pelajar sebelum memasuki alam universiti.

"Bergelar pelajar Tingkatan Enam tidak jauh beza dengan mahasiswa universiti kerana mereka telah didedahkan dengan kaedah pembelajaran di universiti seperti membuat penyelidikan, kajian ilmiah seperti kajian tindakan, laporan, artikel dan sebagainya.

"Dengan sistem pembelajaran dan juga subjek-subjek yang ditawarkan, sejak dahulu lagi Tingkatan Enam boleh diibaratkan sebagai pengajian prauniversiti.

"Malah peluang ke universiti juga lebih tinggi berbanding laluan lain kerana tidak perlu bersaing dengan pelajar-pelajar yang ramai, hanya dalam kalangan lepasan STPM sahaja," katanya yang mengambil Aliran Kemanusiaan (Pengajian Am, Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu, Ekonomi dan



Suhaiza menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun 2019.

Perak itu kepada empat orang cahaya

mendengar keluh kesah daripada senior-senior terdahulu sahaja.

"Saya sendiri yang pernah menjadi pelajar Tingkatan Enam mempunyai pengalaman yang amat menarik untuk dikongsi apatah lagi ketika itu sistem pembelajarannya berbeza dengan hari ini," ujarnya.

Kelebihan Tingkatan Enam

Bercerita lebih lanjut mengenai kelebihan menyambung pengajian ke Tingkatan Enam, Suhaiza berkata, proses pembelajaran yang dilalui mampu menjimatkan masa kerana cuma memerlukan dua tahun (sekarang satu tahun setengah) berbanding diploma yang mengambil masa tiga tahun.

Ulasnya lagi, Tingkatan Enam

Sejarah).

Suhaiza turut menjelaskan, pembelajaran Tingkatan Enam juga mampu memberi ruang dan peluang terbaik kepada pelajar melonjak prestasi masing-masing.

Tambahnya, setiap pelajar juga mempunyai ruang luas menjejakan kaki ke menara gading selepas menamatkan pengajian di Tingkatan Enam dan beliau turut mengatakan STPM adalah setaraf dengan program matrikulasi dan diploma bagi syarat melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda.

Buka laluan kerjaya

Berkongsi pengalamannya selepas tamat pengajian Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Raja Perempuan Ipoh,

Perak, ibu kepada empat orang cahaya mata ini memberitahu, dia menyambung ijazah sarjana muda di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia.

Sebaik sahaja tamat pengajian di UUM, dia terus bekerja di Jaya Jusco (ketika itu, kini AEON) sebagai Perunding Jualan untuk menimba pengalaman dan pada masa yang sama turut memohon jawatan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

"Alhamdulillah selepas dua tahun di Jaya Jusco, pada 2001 saya dipanggil temu duga untuk jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik kemudian ditempatkan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka sebelum ditukar ke Kementerian Pelajaran, Putrajaya.

"Selepas itu saya bertugas di Melaka sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Melaka, seterusnya dilantik sebagai Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan sebelum menjadi Pegawai Daerah Tampin.

"Bermula permohonan ke universiti hinggalah ke alam pekerjaan semuanya menggunakan keputusan STPM. Lulusan STPM mempunyai peluang yang terbaik dalam dunia pekerjaan bukan sahaja dari segi tangga gaji yang lebih tinggi berbanding lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tetapi juga diterima berkhidmat dalam kerajaan dengan gred dan gaji yang baik," katanya yang memperoleh keputusan lima prinsipal.

Suhaiza turut menitipkan pesanan buat pelajar yang berminat menyambung pengajian ke Tingkatan Enam supaya menganggap ia sebagai peringkat permulaan dan jalan pintas untuk menyambung ke peringkat sarjana muda.



PROFIL

Nama: Suhaiza Sharudin
Umur : 45 tahun
Asal : Port Dickson, Negeri Sembilan
Bilangan adik-beradik:
3 orang (anak sulung)
Jawatan : Pegawai Daerah Tampin
Pendidikan akhir: Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia, Universiti Utara Malaysia (UUM)

"Jangan malu dengan jolokan 'pelajar sekolah' kerana anda semua mempunyai kelebihan selain boleh menghabiskan pelajaran di Tingkatan Enam dalam masa singkat berbanding lain-lain peringkat pengajian di kolej atau universiti," tuturnya mengakhiri perbualan.



Sebagai seorang Pegawai Daerah, Suhaiza tidak ketinggalan turun padang untuk melihat sendiri masalah yang dihadapi penduduk setempat.